

ABSTRAK

Kajian ini berkisar kepada hiburan yang terdapat di dalam kesenian masyarakat Melayu tradisional yang dikhkususkan di Terengganu. Tiga jenis hiburan yang dipilih berdasarkan kepada beberapa metode yang telah ditentukan iaitu ‘Tarian Pulai’, ‘Ulit Mayang’ dan ‘Nobat’. Jenis-jenis hiburan yang dipilih itu adalah mewakili bentuk hiburan dan kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional di Terengganu. Penulis menggunakan dua bentuk kajian di dalam mengumpul dan menyediakan data-data yang diperlukan iaitu kajian yang melibatkan buku-buku di perpustakaan dan kajian yang berbentuk pemerhatian (lapangan). Perbincangan kajian tertumpu kepada aspek-aspek yang menjadikan kesenian yang diamalkan itu sama ada bertepatan dan selaras dengan apa yang dikehendaki oleh agama ataupun sebaliknya. Pengaruh-pengaruh yang meresap ke dalam kehidupan seperti animisme, Hindu-Buddha dan Islam turut dibentangkan kerana ianya adalah penyumbang kepada nilai-nilai yang terdapat di dalam kesenian pada ketika itu. Kesan-kesan yang ditimbulkan juga turut dibincangkan kerana ianya mempunyai kaitan dengan hukum bagi kesenian yang diamalkan itu. Kajian ini adalah penting kerana ia dapat membantu mengenal pasti kesenian yang diamalkan kini agar tidak menyeleweng dengan apa yang telah digariskan oleh agama. Ini kerana kajian yang diperkuatkan dengan dalil-dalil yang bersumberkan kepada al-Quran, al-Hadis dan pendapat para ulama’ ini menunjukkan bahawa sesetengah kesenian yang diamalkan pada masa lalu tidak bertepatan dengan apa yang dibenarkan oleh lunas-lunas agama. Saranan dan kesimpulan yang dimuatkan di dalam bab yang kelima merupakan penutup kepada kajian yang dilakukan.

dengan kesenian. Tidak lupa juga buat sahabat seperjuangan Azizi dan Mazri yang banyak membantu di dalam memberi teguran dan bimbingan kepada penulis serta buat jiran Pak Din dan Kak Siti yang turut memberi galakan kepada penulis.

Akhirnya ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam masa penulis menyiapkan disertasi ini.

Wassalam.

ABSTRACT

This research revolves around entertainment available in the culture of Malay traditional society, which is specified in Terengganu. Three types of entertainment are chosen, based on a few methods determined, that is *Tarian Pulai*, *Ulit Mayang* and *Nobat*. Those chosen entertainment represent patterns of entertainment and art, which are practiced by the Malay traditional society in Terengganu. The writer uses two types of researchers in collecting and preparing data needed in the study, that is library research and an observational (field) study. Discussion of the study is focused on the aspects whether the culture practiced is accurate and consistent with what the religion wants or not. The influence of animism, Hindu- Buddha and Islam in life are included as they are the contributor to the values found in the culture at that time. The effects arose are also discussed since they are connected with laws of that culture. This study is important because it helps to identify the culture practiced nowadays does not diverge with what has been outlined by the religion. Nevertheless, the study, which is enforced by the evidence, originated from al-Quran, al- Hadis and ulama's opinion shows that certain cultures practiced before are not corresponding with what is allowed by the religion anymore. As a conclusion, whether the culture is allowed (halal) or forbidden (haram), is made after taking into consideration the values obtained in the culture studied.